

AIA jangka lebih ramai ambil perlindungan

Kadar penembusan produk insurans konvensional dan takaful di Malaysia dijangka meningkat tahun ini, sebahagiannya dicetuskan oleh kebimbangan pandemik COVID-19.

Ketua Pegawai Eksekutif AIA Bhd, Ben Ng, berkata pandemik juga mendorong lebih ramai orang menambah baik atau menaikkan polisi perlindungan insurans mereka.

"Perlindungan insurans perubatan, nyawa dan penyakit kritikal adalah antara produk permintaan tinggi untuk AIA ketika kesedaran pengguna semakin meningkat.

"Perubatan antara produk yang menunjukkan peningkatan tertinggi disebabkan kerisauan orang ramai ketika ini. Sekiranya sakit, mereka mahu dilindungi.

"Orang yang tidak mempunyai perlindungan perubatan kini cenderung untuk mendapatkan

insurans perubatan," katanya dalam satu taklimat media di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Ng berkata, ramai pemegang polisi turut mengkaji semula jenis polisi insurans yang mereka ada ketika ini dan memahami keperluan untuk melanggannya.

Beliau berkata, AIA menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan seperti insurans hayat, insurans kemalangan dan kesihatan, rancangan simpanan dan penyelesaian korporat.

Pandemik, katanya, mengukuhkan lagi mengenai keperluan kehidupan yang lebih sihat, jangka hayat lebih lama dan lebih baik serta menyediakan penyelesaian kesihatan lengkap.

Mengulas lanjut, Ng berkata, pada 2020, kadar penembusan insurans di Malaysia adalah sekitar 35 hingga 40 peratus dengan hanya 54 peratus untuk insurans hayat.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif AIA Public Takaful Bhd (APTB), Elmie Aman Najas berkata, walaupun takaful menunjukkan peningkatan, kadar penembusan pemilikan insurans konvensional dan takaful dalam kalangan Bumiputera

masih rendah dan sangat membimbangkan.

Beliau berkata, kadar penembusan takaful untuk segmen Bumiputera secara relatif masih rendah berbanding segmen insurans

bukan Bumiputera.

Bagaimanapun, tegasnya, perniagaan takaful mencatatkan pertumbuhan kecil satu peratus kepada 16.9 peratus pada 2020 disebabkan peningkatan kesedaran perlindungan kewangan serta keperluan mendesak disebabkan pandemik COVID-19.

"Namun, kadar penembusan takaful dalam kalangan segmen Bumiputera memberangsangkan kerana pengguna prihatin terhadap penyakit kritikal seperti barah, tekanan darah tinggi, diabetes dan serangan jantung.

"APTB terus meningkatkan kesedaran dan kepentingan pemilikan takaful dalam kalangan pelanggan Bumiputera," katanya.

Elmie berkata, pengguna menyedari kenaikan kos perubatan tetapi mereka tidak mengutamakan perlindungan perlindungan daripada penyakit kritikal ini.



Ben Ng